

AGENDA HASAN AL-BANNA DALAM PEMBANGUNAN INSAN MENERUSI PENULISAN KARYA MAJMU'AT AL- RASAIL

Zainudin Hashim
Jabatan Dakwah & Pembangunan
Insan
Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya (APIUM)

Dr. Fakhrul Adabi Abdul Kadir

Dr. Yusmini Md. Yusoff

Abstrak

Pembangunan Insan adalah antara misi utama ajaran Islam. Islam mendukung penuh usaha membentuk dan membangunkan manusia berkualiti bahkan konsep kualiti itu sendiri adalah unik dalam Islam kerana ia merangkumkan kedua-dua aspek fizikal dan spiritual, dunia dan akhirat. Makalah ini sedaya upaya cuba mengupas pandangan Hasan al-Banna dalam penulisan 'Majmu'at al-Rasail' yang telah mengemukakan 10 elemen ciri dalam pembangunan insan menerusi rukun beramal, namun pengkaji hanya membahaskan 5 daripada 10 elemen tersebut, iaitu akidah yang jitu, konsep ibadat yang menepati piawaian Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji dan berusaha menggarap ilmu. Justeru, 5 elemen tersebut dalam 'Majmu'at al-Rasail' telah menyumbang kepada aspek pembangunan insan itu sendiri. Kupasan ini diharap dapat mencungkil sumbangan Hasan al-Banna dalam aspek pembangunan insan, terutama dalam konteks melahirkan lebih ramai lagi individu dalam tanah air dan seterusnya masyarakat yang benar-benar berkualiti.

Kata Kunci : Hasan al-Banna, pembangunan insan, penulisan kitab Majmu'at al-Rasail'

1.0 PENDAHULUAN

Pembangunan Insan adalah menjadi kemestian kepada setiap muslim sepetimana kemestian mereka menggarap ilmu pengetahuan yang disaran oleh Islam. Namun usaha ke arah mencapai matlamat pembangunan insan itu menjadi agenda berterusan yang boleh dicapai dalam pelbagai bentuk kaedah, sama ada melalui program motivasi, khutbah, ceramah, forum dan penulisan. Kajian ini lebih memfokuskan aspek penulisan yang dikenal pasti salah satu daripada kaedah yang boleh membangun insan terutama golongan pembaca dan pengkaji.

Sesungguhnya aspek penulisan dalam pembangunan insan dapat menyatakan keinginannya untuk memberitahu, mendidik, membujuk dan menghiburkan khalayak pembaca. Pada masa yang sama, dengan penulisan ia dapat menghubungkan (ide-ide) penulis dengan karyanya kepada pembaca (Mus Chairil Samani, 1997). Keempat-empat faktor di atas dikenal pasti amat penting bagi merealisasi matlamat pembangunan insan setelah pembaca menilai segenap maklumat yang terkandung dalam isi kandungan yang disampaikan oleh penulis, kerana setiap faktor berkenaan mampu untuk menjadikan golongan pembaca bertekad untuk

berubah ke arah keadaan yang lebih baik lagi.

Penulisan bukan hanya dikenali ramai pada era moden atau zaman Sains & Teknologi yang serba canggih, malah ia telah dikenali dan diguna pakai sejak zaman keemasan awal dengan terutusnya baginda Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan rasul terakhir. Bahkan juga penulisan telah tersebar di zaman keemasan Islam pimpinan Rasulullah s.a.w. dengan begitu meluas sekali termasuk di zaman jahiliah, buktinya apabila al-Quran sendiri menganjurkan aspek pembelajaran merangkumi bacaan, tulisan dan ejaan melalui ayat pertama yang diturunkan dalam al-Quran iaitu konsep 'Iqra', maka lahirlah selepas itu mereka yang bergelar guru, penulis dan pembaca. Menurut (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1983) wahyu al-Quran itu sendiri amat memerlukan kepada golongan para penulis, begitu juga dalam urusan rasmi 'Negara Islam Pertama' pimpinan baginda s.a.w. di Madinah, malah sabit dalam sejarah bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki 40 penulis wahyu dan penulis beberapa disiplin ilmu lain seperti periyawatan hadith, muamalat, bab hutang, bab sedekah, penulis surat rasmi dalam pelbagai bahasa dunia (untuk diserahkan kepada pembesar-pembesar negara ketika itu).

Aspek penulisan semakin berkembang pesat dengan tersebarnya para Sahabat Nabi yang mengembara ke beberapa pelusuk dunia bertujuan untuk menyebarkan

Islam. Keberadaan para sahabat di situ telah memperbanyakkan konsep pembelajaran di masjid-masjid hingga Islam diterima dengan baik oleh masyarakat dunia ketika itu melalui penulisan-penulisan dalam bentuk risalah-risalah kecil yang diagihkan kepada umum.

Dengan itu, kitab 'Majmu'at al-Rasail' dipilih dalam kajian ini adalah untuk mengupas mengenai penulisan agenda pembangunan insan menurut pandangan Hasan al-Banna. Agenda perbincangan tertumpu kepada konsep-konsep pembangunan insan dalam 5 elemen pembangunan insan dalam rukun beramal yang dinyatakan.

2.0 PEMBANGUNAN ISLAM MENURUT ISLAM

Insan adalah sejenis makhluk yang dibangun oleh Allah SWT kerana mempunyai potensi besar dalam merealisasikan tugas dan amanah sebagai khalifah, justeru insan dicipta dengan selengkap-lengkap penciptaan merangkumi roh, jasad, akal, naluri serta perasaan yang menjadikannya sempurna. Ini dijelaskan sendiri oleh Allah dalam ayat 4 surah at-Tin :

Maksudnya : "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)."

ia sebagai bukti bahawa al-Quran sebagai sumber pembangunan insan. Sementara hadith Rasulullah s.a.w. juga menjadi rujukan utama dalam aspek pembangunan insan, ia dibuktikan menerusi hadith berikut :

1- حَدِيثُ رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَالْتَّرْمِذِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ يَسِيرٍ، رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: خَيْرُ النَّاسِ مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسْنُ عَمَلُهُ (صَحِيفَ).

Maksudnya : "Sebaik-baik manusia yang panjang umurnya, baik pula amalannya." Hadith Sohih dalam Musnad Ahmad (27531 - 1993), daripada 'Abd Allah bin Yusr.

2- قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُ النَّاسِ أَخْسَنُهُ خُلُقًا. حَدِيثُ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما (Hadith صحيح من روایة البخاری) رقم 1837 في السلسلة الصحيحة (الألباني، 1988)

Terjemahannya: "Sebaik-baik manusia adalah yang paling baik akhlaknya." Hadith sohih riwayat al-Bukhari dalam al-Silsilah al-Sohihah daripada Ibnu Umar r.a. (hadith no. 1837)

Justeru, Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah untuk melakukan proses pembangunan insan dengan segala bentuk kemajuan, perkembangan yang produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik dari sebelumnya, baginda berjaya melakukannya menerusi dua pendekatan utama (Muhammad al-Bahi, 1986):

- i. Mensucikan manusia dari sebarang bentuk kesyirikan dengan penyembahan berhala, membangun mereka dari sikap jahiliyyah kepada Islam yang menganjur agar insan berilmu (dalam segenap disiplin ilmu), membangun mereka menuju tahap manusiawi yang hakiki sebagai hamba Allah SWT.
- ii. Membangun manusia dengan menyelamatkan mereka dalam kegelapan hidup selain Islam menerusi 'Tamadunnya' yang mendidik insan agar memiliki prinsip yang jelas dengan Islam meliputi akhlak, ekonomi, politik, sistem hidup yang menghubungkan manusia dengan Allah dan sesama manusia berpaksikan acuan agama Allah yang termeterai dalam ayat 103 surah ~Ali 'Imran yang bermaksud : "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam)."

Menurut Al-Attas (Ahmad Bazli Shafie, 2006), Prof. - insan yang baik adalah manusia yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, iaitu manusia yang memahami serta menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; manusia yang dalam serba-serbi tingkah-lakunya sentiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan beradab tinggi.

Insan seperti yang telah dijelaskan mempunyai potensi untuk dibangun. (Malek Bennabi, 1985), Insan walaupun sentiasa dibelenggu dengan pelbagai masalah akibat dari pengaruh persekitaran, tetapi yang penting kita mampu bangunkan insan hingga mampu mencipta sejarahnya tersendiri bagi menggapai masa depan yang gemilang melalui penggarapan ilmu, berusaha untuk berdaya saing, berakhhlak mulia dalam segenap keadaan dengan tuntutan agama.

Sebagai muslim, kita amat yakin bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang diperakui Allah dan sudah pasti ia agama yang terbaik pilihan Allah buat manusia. Al-Quran, Hadith serta Sirah Nabi Muhammad s.a.w. adalah rujukan utama dari dahulu hingga ke akhirat. Sejarah telah membuktikan bagaimana Rasulullah s.a.w. membangun ummah di peringkat awal melalui pengenalan terhadap akidah, zaman Mekkah penekanan tidak tertumpu kepada aspek syariat, akhlak dan lain-lain

walaupun ianya penting, malah fokus utama adalah mengajak insan seluruhnya membangun bersama akidah (iaitu mengenal Allah selaku Pencipta), kerana dengan mengenali Allah, insan tidak akan terjerebak dalam penentangan terhadap Pencipta, sekali gus fokus kepada perkara-perkara yang positif, ia memberi isyarat bahawa Rasulullah s.a.w. telah melakukan tugasan dalam pembangunan insan dalam kalangan para sahabat.

Dalam hal ini kita perlu sepakat, bahawa kita semua mahukan diri kita untuk dibangunkan, malah buat generasi yang sedang berkembang di hadapan kita, dan generasi yang akan datang serta bagi umat-umat lain. Kita diamanahkan oleh Allah SWT agar mengajak insan-insan seluruhnya kepada apa yang telah Allah SWT anugerahkan kepada kita, iaitu hidayah dan agama yang benar. Namun hal ini akan lebih bermanfaat dan membawahkan hasil jika kita mempunyai pemahaman dan pemikiran yang benar terhadap Islam. Pemahaman yang benar juga adalah asas bagi meraih kejayaan sesuatu usaha yang dilakukan (Yusuf al-Qaradawi, 2004).

(Muhammad Akhmal Hakim, 2014), ini kerana Islam adalah jantung yang bertindak sebagai cara hidup dalam kehidupan insan. Islam bukan sahaja memenuhi fitrah manusia, bahkan Islam juga penuh dengan sifat kesempurnaan. Ajarannya yang komprehensif sentiasa hadir dalam semua kegiatan termasuk sewaktu kita tidur, makan

dan minum, ke tandas, bermain, bermesyuarat, bercinta, berhibur, dan banyak lagi seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat 3 dari surah al-Maaidah yang bermaksud : "Pada hari ini, Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu."

(Saif al-Islam Ali Matar, 1986), mengenai pembangunan insan, fakta ada menyebut bahawa seruan al-Quran agar insan melakukan perubahan seterusnya membangun diri mereka ke arah yang lebih baik adalah menjadi keutamaan dan kewajipan seseorang insan terutama yang bernama muslim, justeru Allah SWT menegaskan dalam ayat Ar-Ra'd : 13 : 11

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Ini kerana melakukan proses perubahan seterusnya pembangunan insan itu adalah suatu kemestian yang wajib dilakukan dalam institusi masyarakat umat Islam, kerana Islam adalah agama yang sentiasa menyeru pengikutnya melakukan perubahan dan pembangunan, jika tidak mereka terbelenggu dengan unsur-unsur masyarakat yang mementingkan kebendaan dan umpama masyarakat Jahiliyyah (Muhammad al-Bahi, 1986).

Justeru melalui kajian ini, aspek dan konsep pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam membawa maksud, usaha pembangunan yang dilakukan oleh manusia terhadap diri manusia secara menyeluruh, untuk berubah kepada satu keadaan yang baik, dan untuk mengekalkan satu keadaan yang baik juga. Usaha tersebut mesti dilaksanakan mengikut panduan yang ditunjukkan dalam ajaran Islam dan tidak boleh menyimpang daripada ajaran Islam itu sendiri.

3.0 MAJMU'AT AL-RASAIL

Sesungguhnya sumbangan Hasan al-Banna dalam menghasilkan karya penulisan begitu banyak dalam pelbagai disiplin ilmu seperti *Tahdid al-Nasl*, *Al-Mar'ah al-Muslimah*, *Al-'Aqoid al-Islamiah*, *Allah Fi al-Aqidah al-Islamiah* dan antara karyanya yang boleh dianggap penting adalah Majmu'at al-Rasail (ia adalah himpunan ulung penulisan rencana-rencana beliau yang telah dikompilasi), ia penting kerana mengandungi elemen tarbiyah (pendidikan), motivasi ke arah agenda pembangunan insan.

Fokus kajian ini hanya tertumpu kepada 5 rukun beramat dalam Risalah al-Ta'lim yang merupakan salah satu tajuk yang termuat dalam kitab Majmu'at al-Rasail.

4.0 HASAN AL-BANNA

Hasan al-Banna telah dilahirkan di kampung al-Mahmudiyyah (sesetengah pendapat mengatakan di kampung Syamsyirah) dalam daerah Fuh di wilayah Kafr as-Syeikh (ada yang mengatakan dalam wilayah al-Buhairah), pada 17 Oktober 1906M bersamaan bulan Sya'ban tahun 1323H (Fathi Yakan, 1998). Ia terletak kira-kira 90 kilometer dari bandar Qaherah. Ayahnya Syeikh Ahmad bin 'Abd ar-Rahman bin Muhammad al-Banna al-Sa'ati (nisbah kepada pemilik kedai jam terkenal di kampungnya). Hasan al-Banna berada dalam persekitaran keluarga yang beramal dengan Islam, cinta kepada ajaran agama yang cukup mendalam dengan berkat kegigihan ayahnya sebagai seorang ulama' yang amat menjaga adab-adab Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan ajaran Sunnah Rasulullah s.a.w. (Anwar al-Jundi, 2000). Hasan al-Banna dalam usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat manusia dan pemikiran orang awam untuk dibangunkan. (Wan Jafree, 1980).

5.0 SEKELUMIT AGENDA PEMBANGUNAN INSAN MELALUI PEMBENTUKAN IKHWAN MUSLIMUN

Minat yang mendalam untuk meneruskan perjuangan Islam melalui dakwah dan pembangunan insan, adalah menjadi cita-cita Hasan al-Banna sejak menjelaskan kakinya di Fakulti Dar al-'Ulum lagi setelah memperdalam ilmu-ilmu Syari'ah Islam dan Usul al-Din, ia disebabkan kerana kebanyakan warga Mesir tidak lagi berpegang teguh kepada ajaran Islam sebenar.

Pada bulan Zulqaedah 1347H bersamaan Mac 1928M, Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun telah ditubuhkan di rumah pengasasnya iaitu Hasan al-Banna di Isma'iliyyah, setelah berbincang dengan enam orang, mereka terdiri daripada Hafiz 'Abd al-Hamid, Ahmad al-Hasari, Fuad Ibrahim, 'Abd al-Rahman Hasb Allah, Ismai'il 'Iz dan Zaki al-Maghribi yang pernah didekati oleh beliau dalam pertemuan sebelum ini dan akhirnya bersetuju untuk mendampingi dan mengikutinya dalam arena dakwah, kesemua tujuh individu berbai'ah untuk hidup sebagai saudara yang bekerja untuk Islam dan berjuang pada jalannya. (Hussain bin Muhammad bin 'Ali Jaber, 1987).

Hasan al-Banna dalam usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat manusia dan

pemikiran orang awam untuk dibangunkan. (Wan Jafree, 1980).

Tertubuhnya gerakan al-Ikhwan al-Muslimin ini amat dinanti-nanti oleh segenap individu muslim yang cintakan agamanya agar aspek dakwah dan aspek pembangunan insan dapat dilakukan, lebih-lebih lagi ketika rakyat Mesir bergelumang dengan pegangan yang tidak selari dengan Islam. (Muhammad Amin Hasan, 1983)

Bagi pengkaji sejarah mengenai keberadaan Ikhwan Muslimun di Mesir khususnya, akan mendapati bahawa peranan dakwah secara sistematik yang dipersembahkan oleh Hasan al-Banna telah berjaya melahirkan bibit-bibit manusiawi yang cintakan agamanya secara konsisten melalui pembentukan Ikhwan Muslimun, ini kerana Hasan al-Banna berjaya mentarbiah anggota-anggota Ikhwan Muslimun dengan satu method terancang melalui program-program usrah (Ali 'Abdel Halim Mahmoud, 1989), disusuli dengan katibah, rehlah, mukhayyam (mu'askar), daurah, nadwah, muktamar dan lain-lain bertujuan untuk merealisasikan agar anggota-anggota Ikhwan Muslimun sebagai generasi sebaik-baik ummah yang dituntut oleh al-Quran.

Justeru, apa yang kita dapat saksikan, mereka (anggota Ikhwan Muslimun) yang keluar daripada madrasah usrah dan seumpamanya adalah individu yang memiliki segala kekuatan akidah, akhlak yang terpuji, hubungan yang intim dengan Allah SWT melalui peribadatan yang mantap

dengan konsisten, menjaga kesihatan hingga memiliki daya berfikir yang utuh sepetimana yang dikehendaki. Ini adalah agenda pembangunan insan yang terangkum dalam catatan ide Hasan al-Banna, ia bertujuan bagi meneruskan kesinambungan dakwah yang dipusatkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dengan penuh berhemah dan berhikmah. Mereka adalah anak didik Hasan al-Banna secara langsung dan tidak langsung yang merealisasikan segenap agenda pembangunan insan dalam aspek kehidupan.

Antara pendekatan agenda pembangunan insan Ikhwan Muslimun yang digariskan oleh Hasan al-Banna, ialah penyertaan mereka dalam pilihan raya untuk menyampaikan Islam, puluhan tahun sejak Ikhwan Muslimun ditubuhkan, mereka tidak menggunakan kekerasan dalam aspek dakwah, hingga akhirnya mereka berjaya menguasai parlimen Mesir dan pembentukan kerajaan pada Jun 2012. Dr. Mohammad Morsi dari Ikhwan Muslimun yang mewakili Parti Kebebasan dan Keadilan (FJP) yang dibentuk oelh Ikhwan Muslimun adalah untuk memerintah negara dengan penuh kasih sayang dan Berjaya membuktinya.

Namun takdir Allah menentukan pada Julai 2013, Dr. Mohammad Morsi digulingkan sebagai presiden Mesir yang sah, beliau serta pimpinan tertinggi Ikhwan Muslimun termasuk anggota-anggotanya ditangkap,

namun mereka menghadapinya dengan penuh sabar walaupun baharu hanya setahu mengecapi kemenangan dan memerintah negara.

Apa yang dapat disaksikan, episod penangkapan besar-besaran termasuk pembunuhan anak-anak pimpinan tertinggi utama Ikhwan Muslimun ditempuhi dengan sifat sabar, tenang, tawakal yang merupakan antara elemen ciri-ciri pembangunan insan yang mereka perolehi dalam program-program usrah dan seumpamanya tanpa bertindak balas dengan cara yang agresif bagi mengelak pertumpahan darah yang amat berharga, tragedi itu disaksikan sendiri oleh pasukan keselamatan negara yang teruja dengan ketinggian akhlak segenap individu yang terlibat dalam Ikhwan Muslimun.

6.0 5 ELEMEN PEMBANGUNAN INSAN HASAN AL-BANNA YANG DIREALISASIKAN OLEH ANGGOTA IKHWAN MUSLIMUN

Hasan al-Banna telah menggariskan 5 daripada 10 elemen pembangunan insan dalam rukun beramat; ia diamalkan oleh segenap anggota Ikhwan Muslimun dalam rutin kehidupan mereka secara praktikal. Namun ia bukan hanya terbatas kepada mereka semata-mata, malah dipraktikkan segenap umat Islam kerana ialah adalah gagasan tarbiah bersumberkan kepada rujukan asli yang terangkum dalam al-Quran,

as-Sunnah dan Sirah Nabawiyyah. 5 elemen tersebut adalah sperti berikut;

i. Aqidah Yang Jitu

Dalam Islam, aspek akidah telah disebut dalam surah pertama al-Quran (al-Fatehah) dalam kedudukannya yang teratas, begitu juga Sirah Rasulullah s.a.w. yang memerlukan tempoh 13 tahun untuk menyatakan kebenaran akidah, ia bukan satu tempoh yang pendek bagi memperjelasakan akidah kepada bangsa Arab yang kebetulan al-Quran juga turun dalam bahasa mereka, tetapi panjangnya tempoh tersebut adalah disebabkan faktor krisis keyakinan, dalam tempoh itu juga, bukan semua penduduk Mekkah menerima dengan baik, malah ramai juga menjadi golongan penentang hingga ke akhir hayat mereka.

Atas sebab peri pentingnya akidah bagi menghubungkan insan dengan Maha Pencipta, maka para ulama' telah menggariskan bahawa akidah adalah akar tunjang dalam kehidupan seseorang muslim, tanpanya maka tiada hubungan antaranya dengan Allah SWT. Melihat kepada kepentingan inilah, maka Hasan al-Banna telah meletakkan aspek

pembangunan insan ialah akidah yang jitu yang mesti ada dalam diri para anggota Ikhwan Muslimun hingga mereka tidak takut kepada hukuman dunia yang memisahkan mereka dengan ahli keluarga, kerana kebesaran dan keagungan Allah mengatasi segala-galanya dalam hidup mereka.

ii. Konsep Ibadat Yang Menepati Piawaian Islam

Dalam pendekatan usrah (lihat definisi di nota hujung) yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna secara urutan, beliau telah menggariskan bahawa apabila seseorang muslim itu memiliki akidah yang jitu, namun jika ia tidak disusuli dengan aspek pelaksanaan syariat dalam kontek ibadat, maka akidah seseorang itu dianggap masih lagi tidak sempurna.

Justeru, selain mengikat anggota-anggota Ikhwan Muslimun dengan kefahaman akidah, mereka juga diberi penjelasan secara terperinci mengenai bentuk ibadat yang menepati piawaian syariat Islam. Itulah juga aspek yang diketengahkan oleh surah al-Fatehah dan Sirah Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat, hatta dalam zon peperangan pun ibadat solat khususnya tetap dilaksanakan, ia

dapat dilaksana dengan jayanya kerana individu-individu tersebut memiliki kejituan hubungan dengan Allah SWT.

(Mustafa al-Siba'ie, 1983) menyebut : Sesungguhnya pelaksanaan ibadat mempunyai kesan yang intim dalam mendidik ummah, dengannya ummah akan menjadi pelindung kepada aqidah, amanah dalam menjalankan tugas Islam, sekali gus akan menjadikannya kuat, merendah diri dan saling kasih mengasihi antara sesama mereka. Gambaran yang jelas terpancar pada pelaksanaan ibadat solat seorang muslim, ketika dia mendirikan solat dengan membaca intipati surah al-Fatihah ; 'kepada Engkau kami sembah dan kepada Engkau kami minta pertolongan', jelas di hadapan Allah hamba-Nya yang muslim itu menyatakan rasa rendah diri kepada Allah, semakin mengharap dengan pertolongan-Nya agar menjadikannya kuat dengan kekuatan Allah SWT. Begitulah juga dengan pelaksanaan ibadat-ibadat utama yang lain seperti puasa, zakat, haji yang sememangnya meninggalkan kesan positif dalam diri muslim yang tunduk kepada Allah SWT.

iii. Memelihara Tubuh Badan Agar Sentiasa Sihat

Islam menggariskan bahawa aspek tubuh yang sihat merupakan antara langkah positif ke arah merealisasikan pembangunan insan pada diri seseorang, ini kerana dengan memiliki badan yang sihat, seseorang itu akan mampu untuk melaksanakan segenap tanggungjawabnya terhadap Allah, Rasul dan agama dengan sempurna. Justeru, Islam berpendapat bahawa bagi individu yang bermasalah dengan kesihatannya tidak mungkin akan dapat melakukan tanggungjawab tersebut, ini menunjukkan bahawa tubuh badan yang sihat merupakan keperluan utama untuk melaksanakan aktiviti pembangunan insan.

Salah satu daripada pendekatan Hasan al-Banna dalam aspek pembangunan insan terhadap anggota Ikhwan Muslimun, memelihara tubuh badan dengan meninggalkan tabiat merokok yang menjadi bahan atau tabiat yang amat disukai oleh warga Mesir, ini termasuk penggunaan syisyah (sejenis candu yang disedut menerusi sebiji botol yang tersedia di atasnya tembakau/candu), bagi

yang mengambilnya akan menjadikannya tidak berminat untuk berfikir kepada masalah ummah di semua peringkat, lebih-lebih lagi isu penjajahan Barat ke atas negara-negara umat Islam. Dalam Islam, kita boleh dianggap tidak layak untuk disebut sebagai muslim jika kita merokok, kerana ia tidak bersesuaian dengan status sebagai khalifah Allah di muka bumi, inilah juga harapan Hasan al-Banna bukan sahaja terhadap anggota-anggota Ikhwan Muslimun secara khusus, malah juga ditujukan kepada seluruh umat Islam.

iv. Sentiasa Memelihara Akhlak Terpuji

Hasan al-Banna setelah melihat Mesir dilanda musibah penjajahan Inggeris selepas perang dunia kedua, fokus pemerintahan tidak lagi berkiblatkan kepada Islam dalam segenap pentadbirannya, itulah matlamat utama penjajahan dilakukan. Maka British yang pernah menjajah Mesir membawa masuk arak secara percuma hingga ia menjadi minuman rasmi pihak berkuasa pada era pemerintahan Raja Farouq . Ini kerana Inggeris melihat bahawa Mesir mempunyai potensi yang besar dalam memimpin negara-negara Arab,

sama ada di utara Afrika mahupun di negara-negara Teluk.

(Hasan al-Banna, 1986) ada menyatakan kekesalannya apabila Inggeris menjajah Mesir selepas perang dunia kedua, apa yang paling ketara dilakukan oleh Inggeris ialah percambahan pemikiran yang rosak atas nama kebebasan berfikir, ini termasuk keruntuhan akhlak serta keperibadian muslim atas nama kebebasan individu, gelombang liberalisme, atheisme telah mengancam ummah sampai tenggelam hingga tidak dapat diselamatkan.

Justeru, elemen terpenting dalam tarbiyah Ikhwan Muslimun ialah aspek kejiwaan dan akhlak, mereka amat menitik-beratkan elemen tersebut dan menganggapnya sebagai anak tangga pertama bagi merubah serta membangun masyarakat, inilah yang disebut sebagai 'tongkat perubahan' menurut Imam Hasan al-Banna sebagai alat yang mampu mengawal arah perjalanan sesebuah kenderaan dari menuju ke arah lain (Yusuf al-Qaradhawi, 1982).

v. Berusaha Menggarap Ilmu

Sesungguhnya pendekatan Hasan al-Banna untuk melihat kaum muslimin terutama dalam kalangan anggota Ikhwan Muslimun dalam menggarap ilmu tidak sia-sia walaupun selepas kematiannya yang sudah menjangkau puluhan tahun. Ini kerana boleh dikatakan kebanyakannya daripada pimpinan tertinggi sejak dahulu sehingga ke hari ini adalah terdiri daripada mereka yang berjaya dalam bidang ilmu pengetahuan, ia mencakupi ilmu keagamaan serta ilmu akademik dalam pelbagai disiplin ilmu.

Malah apa yang menarik, majoriti dalam kalangan Mursyidul Am Ikhwan Muslimun itu sendiri adalah terdiri daripada mereka yang bukan berlatar belakangkan ilmu Syariah dan Usuluddin, ada yang menjadi peguam, pegawai tinggi Jabatan Meteodologi, pegawai perubatan, pendakwah dan sebagainya. Ini menunjukkan apa yang disaran oleh Hasan al-Banna menjadi penanda aras bagaimana mereka mampu menerajui kepimpinan negara dengan aspek ilmu yang dianggap teras, dengan lain perkataan sebagai contoh kepimpinan Dr. Mohammad Morsi sebagai presiden

Mesir yang sah diukur melalui keilmuan dan pengalamannya, namun campur tangan golongan Toghut menyebabkan beliau disingkir dan dipenjara hingga ke hari ini.

7.0 KESIMPULAN

Insan adalah subjek yang menjadi fokus penurunan al-Quran untuk membangun manusia menjadi makhluk terbaik, ayat pertama yang diturunkan Allah ialah suruhan untuk membaca, agar melalui pembacaan manusia boleh membangun diri menjadi baik, cerdik, berakh�ak mulia, dapat membezakan antara hak dan batil, haram dan halal, inilah aspek atau ciri pembangunan insan yang dikehendaki Allah SWT.

Justeru, Ikhwan Muslimun boleh dianggap sebagai agen pembangunan insan, Hasan al-Banna bukan melahirkan individu yang cakap tidak serupa bikin, malah melahirkan individu-individu yang berpotensi besar dalam merealisasikan segenap tuntutan ajaran Islam dalam pelbagai aspek. Kecekalan, kesabaran, tawakal yang tinggi kepada Allah SWT adalah senjata yang ada pada diri mereka dan tidak ada pada yang lain, semua itu berlandaskan kepada keutuhan akidah, pengabdian diri kepada Allah dengan yang sempurna, penampilan akhlak yang menjadi darah daging dalam diri mereka, keilmuan

serta akal yang sejahtera lahir dari tubuh badan yang sihat adalah senjata ampuh yang tidak mudah menggadai prinsip-prinsip agama, malah berusaha untuk mencapai matlamat insan yang menunaikan taat setia serta janji kepada Allah untuk memenangkan agama-Nya, Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-Ahzab, 33 : 23;

Maksudnya : "Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun."

Nota Hujung

¹Usrah diertikan menurut bahasa; iaitu seorang lelaki yang memiliki ahli keluarga yang terdiri daripada isteri dan anak-anak. Sementara dari sudut istilah yang diberikan Hasan al-Banna dalam konteks dakwah; iaitu anggota usrah berusaha memelihara Islam dengan akhlak-akhlak terpuji, mengikat hubungan persaudaraan Islam sesama anggota dari sudut teori kepada tindakan secara praktikal agar menjadi rakaian batu-bata yang soleh bagi membangun dan memajukan Islam itu sendiri. (Ali 'Abdel

Halim Mahmoud : *Wasail al-Tarbiah 'Inda al-Ikhwan Muslimin*, Dar al-Wafa', Mansourah-Mesir, 1989), hal. 115.

BIBLIOGRAFI

- 1) Ahmad Bazli Shafie (2006) : "Pembangunan Insan baik : Pengurusan Skema Martabat Ilmu Dalam Islam, dalam buku Modal Insan Dan Pembangunan Masa Kini" – ed., : Asyraf Hj. Abdul Rahman, Fadzli Adam, Syahrin Said dan Ruzaini Sulaiman (Terengganu : Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia KUSTEM), ISBN : 983-2888-42-5, h 43.
- 2) Ahmad bi Hanbal, 1993M/1414H : *Musnad Ahmad*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 5 : 141
- 3) Ahmed Mohammed Gamal, 1983. " *Muhadarat Fi ath-Thaqafah al-Islamiah*", Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut, h 387.
- 4) Ali 'Abdel Halim Mahmoud : *Wasail al-Tarbiah 'Inda al-Ikhwan Muslimin*, Dar al-Wafa', Mansourah-Mesir, 1989), hal. 115
- 5) Al-Albani, Nasiruddin : *Al-Silsilah al-Sohihah*, 1988, Maktabat al-Ma'arif, t.t.
- 6) Anwar al-Jundi, 2000 : "Hasan al-Banna – Al-Dai'ah al-Imam wa Al-Mujaddid al-Syahid" (Damsyiq – Dar al-Qalam), h 19.
- 7) At-Toher Ahmad ar-Rawi, tanpa tahun terbitan (Mantan Mufti Republik Arab Libya) : "Tartib al-Qomus al-Muhit 'Ala Toriqat al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah". (Qaherah : 'Isa al-Babiy al-Halabi Wa Syurakahu). Vol. 2 h 627.
- 8) Dewan Bahasa & Pustaka, 1997 : "Kamus Dewan Edisi Ketiga", ISBN 983-62-4456-5, h 103.
- 9) _____ 1993, "Kamus Pelajar Bahasa Malaysia", ISBN 983-62-0008-8, h 45.
- 10) Fathi Yakan, Dr, 1998 : "Manhajiah al-Syahid Hasan al-Banna wa Madaris al-Ikhwan al-Muslimin", (Beirut : Muassasat al-Risalah), h 12.
- 11) _____ 1986 "Madha Ya'ni Intimai li al-Islam" (Beirut : Muassasat ar-Risalah, Beirut), h muqaddimah.
- 12) Hasan al-Banna, Tanpa Tarikh : "Majmu'at al-Rasail" (Qaherah : Dar al-Syihab), h 266-283.
- 13) _____ 1986, *Mudhakkirat al-Da'wah wa al-Da'iyyah*, Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, hal. 59
- 14) Hussain bin Muhammad bin 'Ali Jaber, 1987 : "Al-Toriq Ila Jama'at al-Muslimin" (Mansourah/Mesir : Dar al-Wafa), ISBN 977-1420-40-0, h 315
- 15) Malek Bennabi, 1985 : "Syurut an-Nahdah", terj. 'Abd as-Sobur Syahin (Damsyiq :Dar al-Fikr), h 75.
- 16) Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, 1997 : "Membina Umat Berkualiti" rencana dalam majalah A-Manar, Akademi Pengajian Islam, h 74.
- 17) Muhammad al-Bahi, Dr, 1986 : "Al-Quran wa al-Mujtama'", Maktabah Wahbah, ISBN 977-3007-064-6, h 59-60.

- 18) _____ 1986 : "Nahwa ...Al-Quran", Maktabah Wahbah, ISBN 977-307-068-6, h 49-50.
- 19) Muhammad Akhmal Hakim , 2014 : "8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior" , PTS Millennia Sdn. Bhd), ISBN 978-967-411-049-9, h 1-3.
- 20) Muhammad Amin Hasan, 1983 : "Khosois al-Dakwah al-Islamiah ", (Amman : Maktabah al-Manar), h 15-16.
- 21) Muhammad Qutb, 1987 : "Dirasat fi an-Nafs al-Insaniah: (Dar as-Syuruq), ISBN 977-148-104-5, h 13.
- 22) Mus Chairil Samani, 1997 : "Penulisan Rencana Berkesan" (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka), ISBN 983-62-5255-6, h 4-5.
- 23) Mustafa al-Siba'ie, 1983. "Ahkam al-Siyam wa Falsafatuhu fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah
- 24) Saif al-Islam Ali Matar, Dr, 1986 : "At-Taghayir al-Ijtima'i" (Mansourah Mesir : Dar al-Wafa'), ISBN 977-1420-00-X, h 8-9.
- 25) Yusuf al-'Adzam, 1984. "Al-Iman wa Atharuhu fi Nahdah al-Syu'ub", Riyad, al-Dar al-Sa'udiyyah li Nasyar al-Kutub, h 21
- 26) Yusuf al-Qaradhawi, 1987. "Al-Hal al-Islami Faridatun wa Doruroh", Qaherah, Maktabah Wahbah, h 49
- 27) _____ 1999 : "Al-Ikhwan al-Muslimun 70 'Aman fi al-Da'wah wa al-Tarbiyah" (Qaherah : Maktabah Wahbah), ISBN 977-225-136-1, h 12-13.
- 28) _____ 1988 : "As- Sohwah al-Islamiah wa Humum al-Watn al-'Arabiya wa al-Islamiy", (Qaherah : Dar as-Sohwah), ISBN 977-1431-29-3, h 11-13.
- 29) _____ 1982. "Al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna", Qaherah, Maktabah Wahbah, h 30
- 30) _____ 2004 : "Sanggahan Salah Tafsiran Islam" terj. (Kajang : Synergymate Sdn. Bhd), ISBN 983-066-175-X, h 5.
- 31) Wan Jaffree bin Wan Sulaiman, 1980 : "Detik-Detik Hidupku.....Hasan al-Banna" : (Kuala Lumpur : Pustaka Salam), h. 39.